

PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB MENERUSI PENGETAHUAN MAKNA DAN PENGGUNAANNYA

(Mastery of Arabic Vocabulary Through Knowledge of Meaning and Its Use)

HASNUROL HASHIM*, KASEH ABU BAKAR & MAHERAM AHMAD

ABSTRAK

Artikel ini mengemukakan analisis penguasaan morfologi Arab menerusi bidangnya, iaitu leksikologi. Leksikologi ialah keupayaan dan penguasaan kosa kata aspek pengetahuan makna dan penggunaannya. Dua aspek penguasaan tersebut merupakan faktor utama bagi seseorang pelajar yang mahu menguasai bahasa, dan dalam konteks kajian ini ialah pembelajaran bahasa Arab yang merupakan bahasa kedua atau bahasa asing di Malaysia. Masalah yang sering dihadapi oleh pelajar bahasa Arab adalah berpunca daripada kegagalan mengetahui makna kosa kata yang merupakan perkara asas dalam mempelajari apa jua bahasa. Kajian ini bertujuan (1) mengenal pasti tema kajian lepas berkaitan pembelajaran morfologi menerusi dimensi bidang leksikologi, (2) memperlihatkan kelompangan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas berkaitan pengetahuan makna kosa kata dan penggunaannya, dan (3) mengamati isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang. Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapat data. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif. Kajian ini juga menggunakan reka bentuk tematik yang merupakan satu metode yang mudah diamati dan difahami. Hasil kajian mengemukakan lebih 100 kajian berkaitan pengetahuan makna dan penggunaan kosa kata menerusi pembelajaran dan pengajaran morfologi. Implikasi kajian ini dapat memberi penemuan baru menerusi dimensi leksikologi khususnya dalam pembelajaran morfologi Arab.

Kata kunci: Pembelajaran; Morfologi; Pembentukan kata; Leksikologi; Bahasa Arab

ABSTRACT

This article presents an analysis of the mastery of Arabic morphology through its field, namely lexicology. Lexicology is the ability and mastery of vocabulary aspects of knowledge of meaning and its use. These two aspects of mastery are the main factors for a student who wants to master the language, and in the context of this study is learning Arabic which is a second language or foreign language in Malaysia. The problem that is often encountered by Arabic language students is due to the failure to know the meaning of vocabulary which is a basic thing in learning any language. This study aims to (1) identify the theme of previous studies related to learning morphology through the dimensions of lexicology, (2) show the gaps in previous studies related to knowledge of vocabulary meaning and its use, and (3) observe issues that can be used as new studies when the time comes. This study is a qualitative study that uses the library method to obtain data. The data obtained were then analysed descriptively. This study also uses thematic design which is a method that is easy to observe and understand. The results of the study presented more than 100 studies related to knowledge of meaning and use of vocabulary through learning and teaching morphology. The implications of this study

can provide new discoveries through the dimensions of lexicology especially in the study of Arabic morphology.

Keywords: Learning; Morphology; Word formation; Lexicology; Arabic

PENDAHULUAN

Para pelajar di Malaysia merupakan pelajar bukan penutur jati Bahasa Arab kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa Rasmi di negara ini. Pelajar bukan penutur jati yang dinyatakan oleh Rosni (2009) seperti kanak-kanak yang baru belajar bercakap yang perlu kepada pengumpulan kosa kata sebagai peringkat awal dan perkembangan bahasa mereka adalah bermula daripada ibubapa dan persekitaran mereka. Penutur bukan jati perlu kepada pembelajaran kosa kata seiring dengan proses perkembangan bahasa. Regan and Bayley (2009), menyatakan pemerolehan bahasa kedua ialah seperti pengambilalihan bahasa kanak-kanak yang melalui proses perkembangan yang berterusan yang terhasil menerusi pemerolehan bahasa berdasarkan demografi manusia. Teori yang dikemukakan oleh Chomsky (1979) mengenai pemerolehan bahasa manusia ialah bermulanya penggunaan bahasa adalah mengikut pemahaman konteks sosial dan hubungan secara sendiri dan kreativiti mereka. Maka dalam konteks pembelajaran kosa kata bahasa kedua ini, Al-Syeikh (2006) dan Rosni Samah (2009) menjelaskan bahawa terdapat kalangan para sarjana Arab yang sedar akan kepentingan pengajaran Bahasa Arab kepada pelajar bukan penutur jati Arab dan ia seharusnya bermula dengan pengajaran dan pembelajaran kosa kata. Muhammad Al-Khuli (1986) menjelaskan pengajaran dan pembelajaran kosa kata dalam pengajaran bahasa merupakan perkara utama dan penting. Oleh sebab itu, tidak dapat dinafikan bahawa kosa kata memainkan peranan yang amat penting dalam penguasaan sesuatu bahasa sama ada bahasa ibunda mahupun bahasa kedua. Hal ini diperteguhkan oleh Al-Nauri (2018) dengan mengatakan kajian bahasa seharusnya mengetengahkan kepentingan pengetahuan leksikal atau kosa kata dalam keupayaan linguistik.

Ahmad Tu'aimah (1989) menjelaskan bahawa menguasai kosa kata bermaksud pelajar mampu memahami makna perkataan, mengetahui sumber pecahan dan terbitannya serta mengetahui kaedah membina dan menggunakannya dalam ayat yang lengkap. Penguasaan kosa kata juga akan dapat dicapai melalui pengumpulan perkataan yang terdapat dalam ayat bahkan hendaklah diambil daripada ayat yang menunjukkan makna penggunaannya dan selalu digunakan (Rosni bin Samah 2013). Jika semata-mata menghimpunkan perkataan tetapi tidak digunakan dalam lisan mahupun tulisan, ia dianggap masih belum menguasai bahasa yang baik. Ahmad Tu'aimah (1989) menjelaskan lagi melalui penguasaan kosa kata, pelajar akan mengenali perkataan dan menguasai ayat-ayat yang baik dan tersusun dengan kaedah yang betul dan akhirnya para pelajar akan dapat menguasai Bahasa Arab dengan baik. Mahmud Kamil (1985) turut juga menjelaskan penguasaan kosa kata kalangan pelajar asing, merupakan langkah pertama dalam mempelajari bahasa asing. Hal demikian kerana kosa kata merupakan alat yang membawa makna dan kaedah untuk berfikir. Menerusi kosa kata ini, seseorang mampu berfikir kemudian menterjemahkan pemikirannya kepada ayat-ayat yang memberi makna yang dikehendakinya. Ia bertepatan melalui penguasaan bahasa, seseorang boleh meluaskan pemikiran dan pengetahuan mereka (Al-Syeikh 2006). Hal ini dipersetujui oleh Faudziah Rasad dan Mahamod (2013) bahawa bahasa mempunyai hubungan yang erat dengan pemikiran, iaitu proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu pelajaran dapat dikuasai dengan berkesan jika pelajar dapat menguasai bahasa dengan baik. Justeru artikel ini dibuat bagi melihat signifikan kosa kata dari aspek leksikologi dalam bidang morfologi daripada kajian-

kajian lepas. Seterusnya apakah tema kajian mengenai penguasaan kosa kata dari aspek pengetahuan makna perkataan dan penggunaannya khususnya dalam bidang bahasa Arab.

Tinjauan Permasalahan Kajian

Kajian morfologi merupakan antara kajian bahasa yang rumit berbanding kajian sintaksis walaupun terdapat perkaitan antara bidang morfologi dengan bidang sintaksis yang dikenali sebagai ilmu tatabahasa (Luwan 2018). Marpuah (2017) turut menyatakan kelemahan penggunaan tatabahasa yang termasuk dalam bidang morfologi Arab merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar yang mempelajari Bahasa Arab. Bagi pandangan Hasibuan & Khairina Nst (2014) pula, kesalahan morfologi mencakupi pelbagai kesalahan, seperti kesalahan pembentukan kata, kesalahan memilih afiks atau penggunaan kosa kata yang tidak tepat dalam berbahasa. Menurut mereka lagi, antara kesalahan morfologi yang sering ditemui ialah kesalahan aspek penggunaan kosa kata yang tidak tepat dalam mempelajari bahasa. Hal tersebut dipersetujui oleh Daud dan Pital (2014), iaitu masalah penggunaan struktur bahasa terutamanya aspek kosa kata merupakan permasalahan yang sering dihadapi oleh pelajar yang mempelajari bahasa kedua.

Permasalahan kosa kata tersebut adalah berpunca daripada pelajar yang masih belum menguasai kemahiran asas dalam morfologi dan pembentukan kata. Hal ini bertepatan dengan kajian Kaseh et al. (2011) yang melaporkan bahawa kelemahan penguasaan kemahiran asas morfologi menjadi penyebab terhalangnya kemampuan pelajar untuk menguasai kemahiran kata atau kosa kata. H.Chambali & Zaenuddin (2015) turut menyatakan hal yang sama bahawa kegagalan pembelajaran Bahasa Arab adalah berpunca daripada guru yang melalaikan peri pentingnya aspek kosa kata dan penggunaannya dalam pengajaran mereka. Hal ini dipersetujui oleh Al-Nauri (2018) dan Mat Taib dan Mohd Rosdi (2006) bahawa majoriti penyelidik dalam bidang linguistik sama ada dalam bidang teori linguistik mahupun linguistik terapan lebih mengutamakan kepada pengetahuan tatabahasa sahaja dengan meminggirkan peranan kosa kata bahkan menjadikannya peringkat kedua.

Isu permasalahan penguasaan kosa kata yang telah ditemui oleh para pengkaji terdahulu ialah berkaitan permasalahan pengetahuan makna kosa kata. Hal tersebut dijelaskan oleh Kripps (2013) bahawa permasalahan pengetahuan makna kosa kata merupakan salah satu cabaran terbesar kepada pelajar yang mempelajari dan menguasai bahasa asing sejak lebih seratus tahun yang lalu. Ia juga turut ditemui oleh kajian Schmitt (1998) yang mendapati permasalahan utama penguasaan kosa kata adalah dari aspek mengetahui makna perkataan atau kata derivatif bahkan menurut beliau lagi pengetahuan makna perkataan lebih banyak dilupakan oleh kalangan pelajar bahasa. Kamariah dan Siti Raihanni (2016) turut menyatakan kelemahan memahami makna kosa kata dalam kalangan pelajar menyebabkan mereka tidak memahami apa yang didengar dan tidak dapat mengungkapkan maksud sebenar perkataan tersebut apatah lagi menulis mengenainya. Ia disokong oleh Aisah Hasmam et al. (2017) dalam kajian beliau yang menyatakan bahawa kelemahan pelajar Bahasa Arab dalam aspek kemahiran memahami makna kosa kata Bahasa Arab adalah membimbangkan.

Menurut Shathifa dan Farween (2015) dalam kajiannya, penutur Bahasa Arab yang mempunyai kekurangan pengetahuan dalam aspek kosa kata memberi impak kepada penentuan maksud perkataan dan penggunaannya dalam konteks yang betul. Mereka cuba mengembangkan kemampuan kosa kata mereka dalam beberapa cara walaupun menggunakan beberapa strategi yang sesuai untuk mempelajari kosa kata Bahasa Arab, namun kegagalan tetap dihadapi disebabkan kegagalan aspek pengetahuan makna kosa kata. Permasalahan terhadap penguasaan makna kosa kata turut dibuktikan melalui pengalaman guru-guru yang terlibat dalam pengajaran Bahasa Arab kepada pelajar pasca siswazah. Sepertimana laporan Kaseh, Maheram et al. (2011) mengenai pelajar yang mengambil kursus pemulihan di UKM,

kelemahan yang didapati ialah pelajar tidak berupaya menentukan makna berdasarkan konteks bacaan. Menurut Khatijah dan Hakim (2018) pula, faktor permasalahan dalam mengetahui makna perkataan atau kosa kata merupakan penyebab kepada kegagalan penguasaan kosa kata dengan baik. Ia dilihat secara jelas penguasaan pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) terhadap aspek kata nama dan kata kerja Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Laporan dapatan mendapati penguasaan mereka dalam mengetahui makna perkataan hanya di tahap sederhana.

Permasalahan penguasaan kemahiran lisan atau bertutur turut ditemui oleh sebahagian besar pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) khususnya dalam aliran pendidikan Islam. Mereka juga masih belum mampu menguasai kemahiran lisan atau bertutur walaupun telah dapat pendedahan yang luas dalam Bahasa Arab sejak berada di sekolah menengah (Mastura and Kaseh 2012). Hal tersebut diakui oleh Mohamad (2009) bagi permasalahan yang sama turut dihadapi oleh kalangan pelajar universiti terutamanya menguasai kemahiran lisan atau bertutur Bahasa Arab sedangkan mereka telah mempelajari serta mendalami selok-belok linguistik dan sastera Arab. Menurutnya lagi, antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kelemahan bertutur Bahasa Arab adalah disebabkan kurangnya penguasaan kosa kata dengan baik. Sabri (2017) turut membuat pemerhatian bahawa ramai pelajar tidak menggunakan bahasa Arab dalam kelas termasuk kerja harian mereka. Beliau menyatakan pelajar yang tidak menggunakan Bahasa Arab seperti bertutur dalam Bahasa Arab dalam urusan harian mereka merupakan masalah yang sangat besar. Hal ini kerana objektif utama pembelajaran Bahasa Arab di sekolah ialah pelajar hendaklah mampu bertutur Bahasa Arab sama ada sesama mereka mahupun guru mereka. Namun, keadaan tersebut tidak direalisasikan bahkan mereka mengabaikan proses tersebut. Menurutnya lagi ketiadaan suasana bahasa dalam kelas turut menjadi penyebab terhalangnya pencapaian objektif pembelajaran bahasa Arab di sekolah.

Selain dapatan kajian-kajian lalu mengenai permasalahan penggunaan kosa kata dalam lisan atau bertutur, turut ditemui oleh para pengkaji terdahulu ialah permasalahan penggunaan kosa kata dalam tulisan atau ayat. Che Radiah (2006) membuat kajian tentang kesilapan bahasa yang menyentuh aspek kesilapan kosa kata dalam karangan bahasa Arab. Beliau menyenaraikan kesalahan-kesalahan pelajar berkaitan leksikal Arab yang menggunakan 120 skrip daripada dua buah karangan yang ditulis oleh 60 orang subjek kajian. Dapatan kajian beliau merumuskan kesilapan yang sering dilakukan oleh para pelajar dalam penulisan karangan antaranya ialah kesilapan penggunaan bentuk perkataan dalam ayat. Dalam kajian lain yang dilakukan oleh beliau dalam aspek morfologi turut didapati bahawa kelemahan utama pelajar dalam aspek penulisan ialah kesilapan penggunaan kosa kata dalam ayat (Che Radiah 2009). Kajian Rosni (2012) pula mendedahkan permasalahan pelajar yang lemah membina ayat dengan tepat akan memberi kesan terhadap pembinaan karangan yang berkualiti. Hal ini berikutan pengajaran Bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia telah pun bermula sejak dari tingkatan satu lagi. Kemahiran menulis di peringkat sekolah menengah merupakan kemahiran yang penting disebabkan pelajar perlu menulis untuk menjawab peperiksaan. Kajian Zunita Mohamad Maskor (2020) turut melaporkan permasalahan yang sama oleh kebanyakan pelajar SMKA terhadap kemahiran menulis mereka dalam bahasa Arab berada pada tahap sederhana sahaja.

Oleh sebab itu, didapati bahawa isu atau permasalahan yang diketengahkan dalam kajian-kajian yang terdahulu telah melahirkan beberapa persoalan yang agak menarik untuk difokuskan, iaitu apakah fokus kajian terdahulu mengenai kosa kata yang telah dijalankan? dan adakah terdapat kelompangan bagi aspek tersebut?. Seterusnya apakah isu baharu mengenai kajian kosa kata khususnya dalam bidang Bahasa Arab?. Semua persoalan perbincangan tersebut menjadi fokus dalam penyelidikan ini agar ia digarap secara kolektif untuk menghasilkan sebuah artikel yang bermanfaat khususnya dalam bidang disiplin ilmu kajian bahasa.


METODOLOGI

Metodologi merujuk kaedah penyelidikan sesuatu maklumat itu diperoleh. Ia berdasarkan perancangan yang dibuat oleh penyelidik yang ingin menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti (Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan 2018). Hal ini kerana perancangan yang teliti dapat membantu memudahkan data dan maklumat penyelidikan dapat dikumpulkan, dianalisis dan seterusnya dinilai. Selain itu, ia juga menjadi garis panduan kepada pengkaji untuk mencapai matlamat sesuatu kajian yang telah dirancang untuk memastikan bahawa segala keputusan dan penganalisan data kajian diperoleh dengan mudah dan berkualiti. Justeru itu kajian ini menggunakan metode kajian kualitatif atau kaedah kepustakaan. Seterusnya data diperoleh daripada penganalisan dokumen kandungan dan dihuraikan secara deskriptif. Pendekatan kajian pula menggunakan reka bentuk *tematik* yang merupakan metode yang mudah lagi difahami. Tujuan data kualitatif tersebut dilakukan adalah untuk mendapatkan isu-isu utama dan terkini berkaitan bidang kosa kata. Hal demikian kerana kaedah pengumpulan data kualitatif melalui tinjauan literatur adalah suatu kaedah untuk menerokai dan memahami sesuatu isu atau konteks secara mendalam (Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan 2018; Ismail dan Ali 2018).

HASIL KAJIAN

Analisis dapatan melalui kajian-kajian lepas berkaitan bidang morfologi khususnya leksikologi Arab telah menjawab objektif pertama kajian ini, iaitu mengenal pasti tema-tema kajian lepas berkaitan bidang morfologi menerusi leksikologi Arab. Bidang leksikologi merupakan suatu bidang kajian yang berkaitan tentang ilmu pengetahuan perkataan dan penguasaannya dalam sesuatu bahasa. Menurut kamus Dewan (2007), bidang leksikologi merupakan bidang kajian mengenai makna dan penggunaan perkataan. Manakala bagi Almos et al. (2018) menyatakan leksikologi merupakan ilmu yang digunakan untuk mempelajari seluk-beluk kata, menyelidiki kosa kata suatu bahasa, baik mengenai pemakaian maupun maknanya seperti yang dipakai oleh masyarakat bahasa. Ia diperteguhkan oleh Radzi et al. (2012), kajian tentang leksikologi ini penting bagi penguasaan sesuatu bahasa dalam kalangan pelajar bahasa kerana kajian yang melibatkan pengetahuan dan pemahaman terhadap sesuatu leksikal membuktikan penggunaan bahasa dalam situasi yang sebenar. Pendefinisian bidang leksikologi menurut Che Radiah (2009) pula ialah *leksikal* yang berkaitan dengan perkataan atau kosa kata, dan dalam Bahasa Arab disebut *متعلق بمفردات*. Hal demikian kerana termonologi leksikal tersebut berasal dari Greek, iaitu "*Lexicos of word*". Hal tersebut disokong oleh Mohd Taib (2012) bahawa leksikal merupakan satu istilah yang disebut sebagai unit makna. Maka hal demikian, bidang leksikologi boleh disimpulkan sebagai suatu bidang berkaitan ilmu yang mengkaji perkataan dan penguasaan kosa katanya berdasarkan pengetahuan leksikal dari aspek kedalaman kata, struktur bentuk kata, penghasilan kata dan makna kata serta penggunaannya dalam sesuatu bahasa.

Analisis *tematik* dilakukan merujuk kepada hasil analisis kandungan mengikut tema kajian kosa kata. Bagi kajian ini, lebih 100 kajian berkaitan kosa kata telah dirumuskan dan empat tema berkaitan kosa kata telah dihasilkan, iaitu tema pengajaran dan pembelajaran (PdP) kosa kata, strategi pembelajaran kosa kata, kaedah/pendekatan pembelajaran kosa kata dan pengukuran/ujian penguasaan kosa kata, manakala bagi aspek kajian bagi setiap tema-tema tersebut pula merujuk kepada bidang leksikologi, iaitu pengetahuan kosa kata dan penggunaannya. Tema kajian-kajian lepas tersebut boleh dilihat dalam rajah di bawah:



Rajah 1.1: Tema-tema kajian lepas berkaitan kajian kosa kata

Secara rumus berkaitan tema-tema di atas dinyatakan dalam jadual-jadual di bawah:

Tema Pertama: Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Kosa Kata.

Bil	Tema	Sub Tema	Aspek Kajian	Pengkaji lepas
1	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Kosa Kata	Penguasaan Kosa Kata Umum	Pengetahuan kosa kata	Tahir & Lubis (2016) (Maskor et al. 2016) (Makhoul 2017) Pesona & Widiyanto (2017) N. Y. Yahya et al. (2016) Spraggins (1986) Baharudin (2014) Zaini (2015) (Abdullah 2012) Abdulla (2012) Pigada & Schmitt (2006) Razak et al. (2015) Bashrie & Ahmed (2017) (Ng & Sheila 2011) (Maslawati Mohamad, Rashid & Mohamad 2017) Nathir et al. (2017) Igaab & Kareem (2018) N. Mohamad (2007) Dakhilullah (2015) Rahimi et al. (2014)
2	Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata	Penguasaan Kosa Kata Imbuhan	Pengetahuan kosa kata	Abdul Razak (2005) Jalil (2012) Faudziah Rasad & Mahamod (2013) Igaab & Kareem (2018) Al-'Abidi (2011) Ahmad & Jalaluddin (2010) Tajudin Nur (2010) Al-Hamdani & Salman (2017) M. K. Uthman (2017) Ahmad Ramli (2014) Hawamidah (2017) Jalaluddin & Syah (2009) Huda et al. (2015)

Jadual 1.1: Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Kosa Kata.

Tema Kedua: Strategi Pembelajaran Kosa Kata

Bil	Tema	Aspek Kajian	Pengkaji lepas
1	Strategi Pembelajaran Kosa Kata	Pengetahuan kosa kata & Penggunaannya (Pengertian strategi)	Schmitt (2007) Kulekci (2015) Kripps (2013). Regan & Bayley (2009) (Arifin Mamat 2016. et al).
2		Pengetahuan kosa kata & Penggunaannya (Kepelbagaian strategi)	(Lawson & Hogben 1996; Subekti & Lawson 2006; Yasim & Ghani 2011) Mat Teh (2009) M. Z. Ismail et al. (2016) Al-Hashimi & Ali (2012) N. H. Mustapha & Isa@Omar (2014),
3		Pengetahuan kosa kata & Penggunaannya (Kepentingan strategi)	Dakhilullah 2015; F. S. A. Hamza et al. (2015) Aisah Hasmam et al. (2017) F. Hamza et al. (2017) Subekti & Lawson (2006) Lawson & Hogben (1996)
4		Pengetahuan kosa kata & Penggunaannya	N. Mohamad 2007 Fadilah et al. (2017) Nur Naimah Akmar Kamarudin & Harun Baharudin (2017) F. Hamza et al. (2017), Aisah Hasmam & Nik Yusuf (2016) Aisah Hasmam et al. (2017)

Jadual 1.2: Strategi Pembelajaran Kosa Kata

Tema Ketiga: Kaedah/Pendekatan Pembelajaran Kosa Kata.

Bil	Tema	Aspek Kajian	Pengkaji lepas
1	Kaedah/Pendekatan Pembelajaran Kosa Kata	Pengetahuan kosa kata & Penggunaannya	M. Khalilullah (2012) N. Yahya et al. (2016) Zaini et al. (2016) N. C. Hashim et al. (2018) Yusof et al. (2018) Rahim & Selamat (2016) Anuar et al. (2015) Lubis & Hamzah (2013) Kulekci (2015) Muda et al. (2015) Rosni Samah (2010)

Jadual 1.3: Kaedah/Pendekatan Pembelajaran Kosa Kata.

Tema Keempat: Pengukuran/Ujian Penguasaan Kosa Kata

Bil	Tema	Aspek Kajian	Pengkaji lepas
1	Pengukuran/Ujian Penguasaan Kosa Kata	Pengetahuan kosa kata & Penggunaannya	Baharudin et al. (2017) Mustapha (2002) Maeda & Naoumi (2004) Maskor et al. (2018) Abu Bakar (2008) Song (2002)

Jadual 1.4: Pengukuran/Ujian Penguasaan Kosa Kata

Berikut pula analisis rumusan keseluruhan kajian-kajian lepas berkaitan kosa kata bagi kajian ini ialah merujuk kepada nilai kekerapan, peratus dan jumlah dalam bentuk jadual seperti jadual 1.5 di bawah. Hal tersebut sekaligus menjawab objektif kedua dalam artikal ini, iaitu mengesan kelompangan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas mengenai pembelajaran morfologi Arab.

Bil	Tema / Kajian	PdP Kk		Strategi Kk		Kaedah / Pendekatan Kk		Pengukuran / Ujian Kk		Jumlah	
		Tahu Kk	Guna Kk	Tahu Kk	Guna Kk	Tahu Kk	Guna Kk	Tahu Kk	Guna Kk	Kekerapan Kajian	Peratus Kajian
1	Jurnal	34	7	11	1	9	2	3	2	69	57 %
2	Tesis	12	5	1	-	-	-	1	-	19	16 %
3	Prosiding	3	3	-	-	1	-	1	-	8	7 %
4	Buku	14	3	1	-	1	2	3	-	24	20 %
Kekerapan Tema		63	18	13	1	11	4	8	2	120	100%
Jumlah Tema		81		14		15		10		120	
Peratus Tema		68 %		11 %		13 %		8 %		100%	
Aspek Dikaji		Tahu Kk		Guna Kk							
Kekerapan		95		25							
Peratus		79 %		21 %							

Jadual 1.5: Analisis Rumusan Keseluruhan Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Kosa Kata

PETUNJUK:

1. Tema

PdP KK	STRATEGI KK	KAEDAH / PENDEKATAN KK	PENGUKURAN / UJIAN KK
Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata	Strategi Pembelajaran Kosa Kata	Kaedah / Pendekatan Pembelajaran Kosa Kata	Pengukuran / Ujian Penguasaan Kosa Kata

2. Aspek

Tahu KK	Guna KK
Pengetahuan Makna Kosa Kata	Penggunaan Kosa Kata

Secara keseluruhan berdasarkan jadual 1.5 di atas menunjukkan bahawa tema kajian mengenai pengukuran atau pengujian penguasaan kosa kata bagi aspek pengetahuan makna kosa kata dan penggunaannya adalah yang terendah, iaitu sebanyak 8% sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa bidang tersebut masih kurang diberi perhatian dan belum banyak dikaji. Dengan itu dengan sendirinya objektif ketiga ini telah terjawab. iaitu mengamati isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang. Berdasarkan dapatan tersebut, aspek pengukuran dan pengujian boleh dijadikan perkara baru yang perlu dikaji dan diselidiki. Perkara ini bertepatan dengan pandangan Talib (1996), bahawa para penyelidik yang ingin menumpukan kajian sama ada kosa kata aktif atau produktif dalam pertuturan mahupun penulisan perlu kepada pengukuran dan pengujian.

Oleh sebab itu, bagi mengisi kelompangan kajian-kajian lalu, satu kajian mengenai pengukuran dan pengujian bagi kosa kata perlu dilakukan khususnya dalam konteks pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Kajian ini melihat kajian tentang pengukuran penguasaan pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab masih belum dilakukan oleh para sarjana khususnya bagi mengesahkan hierarki kesukaran penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Selain itu, pengalaman sebagai guru di sekolah selama 16 tahun dan guru bahasa di universiti selama dua tahun, mendapati bahawa para pelajar bahasa Arab menghadapi masalah kosa kata, terutamanya bagi aspek pembentukan kata berimbuhan. Hal ini dibuktikan daripada kajian-kajian lepas berkaitan kosa kata, khususnya kata berimbuhan yang telah dijalankan di dalam mahupun di luar negara, yang menunjukkan secara jelas bahawa permasalahan kosa kata berimbuhan turut menjadi faktor utama kepada kegagalan mempelajari dan menguasai bahasa Arab dan implikasinya PdP bahasa Arab menjadi hambar dalam kalangan pelajar bahasa kedua atau bahasa asing. Hal demikian penting kerana penguasaan aspek pembentukan kata berimbuhan dapat membantu para pelajar memahami makna kata-kata yang lain, termasuklah menguasai makna kata dasarnya (Abdurochman 2017).

KESIMPULAN

Bidang morfologi menerusi bidang leksikologi yang berkaitan pengetahuan kosa kata dan penggunaannya tidak boleh diabaikan atau diletakkan di peringkat kedua dalam pembelajaran bahasa di sekolah mahupun di universiti. Sementelahan pula majoriti penyelidik dalam bidang linguistik bagi kedua-dua teori dan penerapan hanya tertarik dengan pengetahuan tatabahasa sahaja dengan meminggirkan peranan kosa kata dan menjadikannya sebagai peringkat kedua. Menerusi tinjauan kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa kosa kata merupakan aspek atau unsur bahasa yang penting dan memberi impak terhadap pengajaran dan pembelajaran

bahasa khususnya bahasa kedua atau bahasa asing. Hasil analisis kajian ini juga telah mengemukakan empat tema utama berkaitan kosa kata, iaitu tema pengajaran dan pembelajaran (PdP) kosa kata, strategi pembelajaran kosa kata, kaedah/pendekatan pembelajaran kosa kata dan pengukuran/ujian penguasaan kosa kata. Dapatan juga mengenengahkan tema pengukuran/ujian penguasaan kosa kata merupakan kajian yang masih belum banyak dibuat penyelidikan berkaitannya. Seterusnya aspek kajian daripada kajian-kajian lepas berkaitan kosa kata lebih tertumpu kepada penguasaan makna dan penggunaannya. Sedangkan aspek asas dalam ilmu morfologi, iaitu aspek aspek kedalaman kata seperti struktur bentuk kata masih belum banyak diterokai dan dikaji. Akhirnya, semoga menerusi penulisan artikel ini memberi impak dan maklumat baru mengenai kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Razak, Z. R. 2005. *Al-mujarrad wa al-mazid min al-af'al: dirasah tahliliyyah fi mushkilat al-talabah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdulla, E. S. 2012. The effect of storytelling on vocabulary acquisition. *Majallah Adab al-Farahidiy*. 10:20–57.
- Abdullah, M. 2012. Analisis semantik dan morfologi leksikal al-muwallad dalam kamus bahasa arab. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam*. 1–21.
- Abdurochman. 2017. Strategi pembelajaran kosakata (mufradāt) bahasa arab bagi non arab. *An-Nâbighoh*. 19 (1):63–83. <http://ejournal.kopertais4.or.id/mataraman/index.php/altadib/article/view/3123/2315>.
- Ahmad Munawar, I., dan A. Mohd Nor Shahizan. 2018. *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Keempat. BANDAR BARU BANGI: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ahmad Ramli, N. 2014. *Penguasaan pelajar sarjana pengajian islam terhadap al-'af'al al-mazidah dalam morfologi arab*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Tu'aimah, R. 1989. *Ta'lim Al-'Arabiyah Li Ghair Al-Natiqin Biha Manahijuhu Wa Asalibuhu*. Universiti al-Manshurah: Manshurah al-Munazzamah al-Islamiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-'Ulum wa al-Thaqafah-ISISCO.
- Ahmad, Z., dan N. H. Jalaluddin. 2010. Isu imbuhan / di – i / bahasa melayu : apitan atau gabungan pengenalan. *Jurnal Melayu*. (5):103–26.
- Aisah Hasmam dan N. M. R. Nik Yusuf. 2016. Strategi memahami makna kosa kata secara kontekstual dalam pengajaran bahasa arab. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Global IV*. 1220–29.
- Al-'Abidi, M. K. R. 2011. *Maji' al-af'al al-mazidah bi ma'na mujarridiha*. *Majallah Kuliah al-Ulum al-Islamiyyah Jameah Baghdad*. 28:194–240.
- Al-Hamdani, K. Z., dan S. D. Salman. 2017. *Al-siyaq fi tahdid dilalah al-fe'li al-mazid bi harfain fi dewan abi aswad al-du'ali*. *Majallat al-Turath al-Ilmi al-'Arabiyy Fasilat, Ilmiat, Muhakkamat*. 2:27–56.
- Al-Hashimi, A., dan M. Ali. 2012. *Istirajiyat ta'allum al-mufradat lada dirasiy al-lughah al-'arabiyyah fi jami'ah al-'ulum al-islamiyyah bi maliziya wa i'tiqadatuhum almuta'alliqah biha*. *Majallah al-'Urduniyyah Fi al'Ulum al-Tarbawiyah*. 2 (8):105–17.
- Al-Khuliy, M. A. 1986. *Asalib Tadris Al-Lughah Al-'Arabiyyah*. ke-2. Riyad, Saudi Arabia: Matabi' al-Farazdaq al-Tijariyyat.
- Al-Nauri, A. H. 2018. *Daur al-ma'rifah al-mu'jamiyyah fi al-tamakkun min al-lughah wa al-isti'maliha*. 21 (13):.

- Al-Syeikh, H. A. R. 2006. *Mabadi' Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah Li Ghair Al-Natiqin Biha*. 1st ed. Amman, Jordan: Jidaran lil kitab alAlami.
- Almos, R., S. Ladyanna, dan P. Pramono. 2018. Leksikon flora dan fauna di lingkungan danau maninjau (kajian ekolinguistik). *International Conference On Linguistics*. (November):48-.
- Anuar, K., M. Lubis, Maimun Aqsha dan Yusoff, Nik Mohd. Rahimi Nik. 2015. Penguasaan kosa kata dalam memrise.com. *The Eight International Workshop and Conference of ASEAN Studies in Islamic and Arabic Education and World Civilization POLMED – UKM – STAI (AL- HIKMAH)*.499–509.
- Baharudin, H. 2014. *Strategi pembelajaran kosa kata bahasa arab (spk)*. Universiti Malaya.
- Baharudin, H., Z. Ismail, dan N. M. R. Yusoff. 2017. *Pembinaan ujiantahap saiz kosa kata arab. The Construction Exam Level Size of Arabic Vocabulary*.
- Bashrie, N. T. dan M. A. Ahmed. 2017. *Sudan university of science and technology deanship of scientific research journal of humanities sciences review of the effect of glosses on vocabulary learning and reading comprehension. sudan university of science & technology abstract : sudan universi. Journal of Humanities Sciences*. 18 (2):88–98.
- Che Radiah, M. 2006. *Analisis kesilapan leksikal dalam karangan bahasa arab*. Universti Malaya.
- Che Radiah, M. 2009. *Kesilapan Leksikal Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang Selangor: Universiti Putra Malaysia, UPM.
- Chomsky, N. 1979. *Sussex: The Harvester Press Language and Responsibility*.
- Dakhilullah, S. 2015. 'Asar istikhdam barnamij scamber fi tanmiyyah hasilatul mufradat al-lughah al-injiliziyyah lada tullab al-saf al-awwal al-mutawsit fi madinah makkah al-mukarramah.
- Dewan Kamus. 2007. *Dewan Bahasa Dan Pustaka. Keempat*. Kuala Lumpur.
- Fadilah, N., A. Basit, I. Hamzah, dan H. Baharudin. 2017. *Strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa arab*. 1 (1):41–51.
- Faudziah Rasad dan Mahamod, Zamri. 2013. *Analisis kesalahan morfologi dan sintaksis dalam penulisan tesis cemerlang: satu kajian kes. Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu*.
- Chambali, H., dan R. Zaenuddin. 2015. *Upaya pengintegrasian pembelajaran bahasa arab dengan alqur'an. El-Ibtikar Volume 04, nomor 01, Juli 2015*. 4 (JULAI):
- Hamza, F., M. Yasin, dan A. Aladdin. 2017. *The use and evaluation of vocabulary learning strategies among sudanese efl learners. Arab World English Journal*. 8 (3):234–50.
- Hashim, N. C., N. A. A. Majid, H. Arshad, dan W. K. Obeidy. 2018. *User satisfaction for an augmented reality application to support productive vocabulary using speech recognition. Advances in Multimedia*.
- Hasibuan, N., dan R. R. Khairina Nst. 2014. *Analisis kesalahan penggunaan morfem infleksi dalam konjugasi bahasa arab pada santriwati kelas it pesantren darul arafah. Kajian Linguistik Program Studi Linguistik FIB USu*. (2):78–93.
- Hasmam, A., Y. Nik Mohd Rahimi Nik, L. Maimun Aqsha, dan S. Aisyah. 2017. *Amalan strategi pemahaman makna kosa kata bahasa arab berasaskan konteks penggunaan dalam pengajaran guru cemerlang bahasa arab. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. 1:.
- Hawamidah, I. S. 2017. *Al-fe'lu al-thulasiy al-mazid bi harf fi suwar al-hawamim: dirasat sarfiyyah dilaliyyah*.
- Saad, N., N. Jalaluddin, dan Zaharani Ahmad. "Penelitian semula makna imbuhan meN-: Kajian eksplisit vs implisit." In *Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015), Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka*. 2015.

- Igaab, Z., dan I. Kareem. "Affixation in English and Arabic: A Contrastive Study." *English Language and Literature Studies* 8, no. 1 (2018): 92-103.
- Jalaluddin, Nor Hashimah, dan Ahmad Harith Syah. "Penelitian makna imbuhan Pen-Dalam Bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang." *GEMA Online® Journal of Language Studies* 9, no. 2 (2009).
- Jalil, M. F. A. 2012. Penguasaan pelajar stam terhadap imbuhan kata bahasa arab. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamariah, A. R., dan S. Siti Raihanni. 2016. Memperkaya kosa kata pelajar. Seminar Bahasa Melayu. (March):132–43.
- Kaseh, A. B., H. Zainal, Maheram Ahmad, dan A. Md Nor. 2011. The empowerment of postgraduate students in arabic. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 18:481–90.
- Khatijah, M. K., dan Z. Hakim. 2018. Penguasaan kata nama dan kata kerja arab dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 1 (1):69–79.
- Kripps, A. 2013. Vocabulary building for arab learners. *TESOL Arabia Perspectives*. 21 (3):14–21.
- Kulekci, M. 2015. The effects of keyword method on vocabulary teaching. *Proceedings of MAC-ETeL 2015: Multidisciplinary Academic Conference*. 9–21.
- Lawson, M. J., dan D. Hogben. 1996. The vocabulary-learning strategies of foreign-language students. *Language Learning*. 46 (1):101–35.
- Lubis, M. A., dan N. Hamzah. 2013. Keberkesanan kaedah dengar tutur berkonsepkan gerakan badan terhadap penguasaan perbendaharaan kosa kata bahasa arab. *Kolokium penyelidikan pendidikan kebangsaan NaREC'13*. 1–22.
- Luwan, M. I. 2018. *Al-fe'li al-thulasiy al-mazid fi qasa'id al-syeikh ghauni mad ghauni kulu: dirasat sarfiyyah tatbiqiyyah*.
- Khalilullah, M. 2012. Permainan teka-teki silang sebagai media dalam pembelajaran bahasa arab (mufradat). 37 (1):.
- Maeda, J., dan E. Naoumi. 2004. Vocabulary development using a questionnaire. *JALT 2004 at Nara Conference Proceedings*. 732–42.
- Mahmud Kamil, Al-Naqah. 1985. *Taclim Al-Lughah Al-CArabiyyah Li Al- Natiqin Bi Lughat 'ukhra*. Saudi Arabia: Jamicat Ummu al-Qura: al-Matbuc at al-Jamiciyyat.
- Makhoul, B. 2017. Investigating arabic academic vocabulary knowledge among middle school pupils: receptive versus productive knowledge. *Journal of Psycholinguistic Research*. 46 (4):1053–65.
- Mamat, A., dan S. Harun. 2016. *Istiratijiyyat Hadithah Fi Ta'lim Wa Ta'allum Al-Lughah Al-'Arabiyyah Li Ghair Natiqin Biha*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Marpuah, Siti. 2017. Penguasaan komunikasi bahasa arab melalui kaedah aktif komunikatif di sekolah menengah agama. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Maskor, Z. M., H. Baharudin, dan M. A. Lubis. 2016. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam siri ke 11 Pengetahuan Kosa Kata Produktif Dalam Kemahiran Menulis*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.
- Maskor, Z. M., H. Baharudin, dan M. A. Lubis. 2018. Measurement validity and reliability of the productive vocabulary knowledge instrument for arabic learners in malaysian secondary schools. *Advanced Science Letters*. 24 (5):3423–26.
- Mastura, A., dan A. B. Kaseh. 2012. Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa arab: kajian di pusat asasi uiam. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. (1990):139–55.
- Mat Taib, P., dan I. Mohd Rosdi. 2006. *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Mat Teh, K. S. 2009. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad, A.H. 2009. Tahap komunikasi dalam bahasa arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa arab di ipta malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1 (1):1–14.
- Mohamad, M., N. Rashid, dan W. N. W. Mohamad. 2017. The advantages and disadvantages of e-dictionaries to enhance vocabulary learning of esl learners. *Educating for Change*.315–25.
- Mohd Taib, P. 2012. Struktur morfologi dalam surah al-fatihah. Universiti Malaya.
- Mohd Zaki, I., A. B. Kaseh, N. M. Nik Farhan, dan M. R. Nurazan. 2016. Bahasa arab pada kalangan pelajar cemerlang (the strategies used by excellent students in learning new arabic affixes). 31:47–68.
- Muda, M. Z., H. Burhanuddin, dan S. F. Salleh. 2015. Kaaedah penguasaan mufradat bahasa arab melalui ayat lazim berasaskan hafazan al-quran: tinjauan awal. *SQ 2015 eProceedings*. (October):296–303.
- Mustapha, N. F. 2002. Tahap penguasaan kata imbuhan di kalangan pelajar: tinjau di upm. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustapha, N. H., dan R. A. M. Isa@Omar. 2014. Istratijiyyah ta'alum al-mufradat al-'arabiyyah lada al-natiqin bi ghairiha: al-jami'ah al-islamiyyah al-'alamiyyah bi maliziya namuzajan. *GJAT*. 4 (2):125–34.
- Nabihah, Y., B. Harun, L. Maimun Aqsha, dan I. H. Muhammad Luqman. 2018. Persepsi pelajar terhadap penggunaan kaedah bimbingan rakan sebaya (brs) dalam pembelajaran kosa kata arab. *eProceedings Of International Conference On Islam And Global Issues (iCIGI)*. (August):
- Nadwah, D., dan A. P. Nadhilah. 2014. Permasalahan pertuturan dalam bahasa arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 14 (February):117–33.
- Nathir, K. A. M., M. S. Othman, W. M. W. Sulong, and N. F. N. Mustafa. 2017. Persepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-quran melalui aplikasi almaany di dalam telefon pintar. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. 8 (1):16–28.
- Ng, L. L., and M. S. Sheila. 2011. L2 vocabulary acquisition : the impact of negotiated interaction. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 11 (2):5–20. <http://journalarticle.ukm.my/997/1/5-20.pdf>.
- Nor Yazidah, Y., M. Che Radiah, N. M. Nik Farhan, dan O. Mohd Sukki. 2016. Pemilihan kosa kata dalam pembinaan modul pembelajaran asas bahasa arab untuk pelajar warga emas abstrak. 2 (2):73–92.
- Norhayuza, M. 2007. Penggunaan pemetaan semantik dalam pengajaran kosa kata bahasa arab. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nur Naimah Akmar Kamarudin & Harun Baharudin. 2017. Strategi pembelajaran kosa kata dan penguasaan pengetahuan kosa kata arab dalam kalangan pelajar stam. *Malaysian Online Journal of Education*. 1 (1):64–73.
- Pesona, J., dan S. Widiarto. 2017. Pengaruh minat baca dan penguasaan kosakata terhadap keterampilan menulis eksposisi. 3 (1):74–80.
- Pigada, M., and N. Schmitt. 2006. Vocabulary acquisition from extensive reading : a case study. *Reading in a Foreign Language*. 18 (1):1–28. <http://nflrc.hawaii.edu/rfl/april2006/pigada/pigada.html>.
- Radzi, H., F. M. M. Sultan, N. H. Jalaluddin, dan Z. Ahmad. 2012. Analisis bahasa komunikasi bangsa minoriti negro menerusi pengimbuhan dan peminjaman kata. *Journal of Language Studies*. 12 (3):885–901.
- Rahimi, N. M., Z. Hussin, dan W. Normeza. 2014. Pembelajaran kosa kata bahasa arab secara aturan kluster semantik dan aturan kluster bebas. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)*.

- Razak, Z. R. A., R. Samah, M. F. Jumingan, dan M. S. Abu Bakar. 2015. Kosa kata penting di peringkat stam: analisis korpus dalam buku teks. 1:43–49.
- Regan, V., and R. Bayley. 2009. Second language acquisition and linguistic variation. Dlm. *The Acquisition of Sociolinguistic Competence*, hlm. 1–18.
- Rosni, S. 2009. Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai.
- Rosni, S. 2010. Pendekatan pengajaran kosa kata bahasa arab di peringkat menengah rendah : kajian kepada guru bahasa arab di sekolah menengah kebangsaan agama kuala lumpur (smkakl).1–15.
- Rosni, S. 2012. Pembinaan ayat bahasa arab dalam kalangan lepasan sekolah menengah agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 12 (2):555–69.
- Sabri, H. 2017. Daur al-mudarrisin fi tasji' al-talabah ala ta'allum al-lughah al-'Arabiyyah fi madrasah 'Ulum al-quran bi langsa. *Journal of Linguistics, Literature & Language Teaching*. iii (Disember):161–96.
- Schmitt, N. 1998. Tracking the incremental acquisition of second language vocabulary: a longitudinal study. *Language Learning*. 48 (2):281–317.
- Shathifa, M. C. S., dan A. R. F. S. Farween. 2015. Vocabulary ability among the students of the department of arabic language in south eastern university of sri lanka. *International Symposium 2015 – IntSym 2015, SEUSL*.208–11.
- Song, F. 2002. A comparative study on the productive and academic vocabulary knowledge of japanese and chinese university students -focusing on the students ' performances in the two vocabulary tests. 9 (1):113–27.
- Spraggins, R. A. 1986. The importance of vocabulary development in the primary grades. University Of North Florida.
- Subekti, N. B., and M. J. Lawson. 2006. Vocabulary acquisition strategies of indonesian postgraduate students through reading. *International Education Journal*. 18 (1):485–96.
- Tajudin Nur. 2010. Fungsi afiks infleksi penada pesona, jumlah, dan jender pada verba bahasa arab: tinjauan dari perspektif morfologi infleksi dan derivasi. *Humaniora*. 22 (1):75–85.
- Talib, A. A. A. 1996. *Menguji Kemahiran Bahasa Prinsip, Teknik Dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur.
- Uthman, M. K. 2017. Al-fe'li al-thulathi al-mazid bi harfain wa dilalatuhi fi al-qur'an al-karim: dirasat sarfiyyah ihsa'iyyah. *Majallah al-'Ulum al-Insaniyyah*. 18 (1):18–31.
- Yahya, N., N. M. R. N. Yusoff, H. Baharudin, dan N. I. A. Rahman. 2016. Penggunaan perisian quizlet . com dalam pembelajaran kosa kata bahasa arab. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016 (ISPEN-i)*. (May):
- Yasim, I. M. M., dan K. A. Ghani. 2011. Hubungan strategi pembelajaran kosa kata bahasa arab dan tahap penguasaan kosa kata pelajar smka. *International Conference And Exhibition On Research In Islamic And Arabic Language Education*.303–9.
- Zaini, A. R. 2015. Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Peringkat Kolej Universiti.
- Zaini, A. R, K. A. Rahman, M. H. Husaini, K. A. Elias, S. Samsudin, dan M. Z. Rahman. 2016. Pembelajaran kosa kata BA berbantuan aplikasi. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (IRSYAD2016)*, Shah Alam. (May):1845–59.
- Zunita M. M. 2020. Penilaian Pengetahuan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kemahiran Menulis Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. *Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.

HASNUROL HASHIM

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

KASEH ABU BAKAR

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: kaseh@ukm.edu.my

MAHERAM AHMAD

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: maheram@ukm.edu.my

*Pengarang untuk surat menyurat: hasnurolhashim@gmail.com

Received: 6 September 2020 / Accepted: 29 September 2020 / Published: 12 November 2020